

## APMM Pahang tahan kapal induk bot nelayan Vietnam

S.H 6/10/2020  
m/s 22

**KUANTAN** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pahang menahan sebuah bot nelayan asing dari Vietnam petang Sabtu lalu kerana menceroboh perairan negeri ini pada kedudukan 36 batu nautika tenggara Kuala Pahang.

Turut ditahan dalam Ops Kuda Laut kira-kira jam 3 petang ialah tekong dan 12 awak-awak dari negara itu yang berusia dalam lingkungan 21 hingga 49 tahun kerana memiliki dokumen meragukan.

Pengarah APMM Pahang, Laksamana Pertama Maritim Amran Daud berkata, bot yang disyaki berperanan sebagai kapal induk itu memungut hasil laut

daripada bot-bot nelayan asing yang menjalankan aktiviti menangkap ikan secara haram dalam zon perairan negara ini.

Beliau berkata, susulan penahanan bot terbabit, anggota APMM turut merampas 3.5 tan sotong basah, 500 kilogram ikan campur dan 1,000 liter minyak diesel dengan nilai keseluruhan dianggarkan mencecah hampir RM2 juta.

“Bot berkenaan dibawa ke Zon Maritim Kemaman manakala tekong dan awak-awak diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk siasatan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 15(2) dan Seksyen 16(3) Akta

Perikanan 1985 kerana memuat dan memunggah hasil laut serta memasuki perairan Malaysia tanpa kebenaran serta Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana memasuki perairan Malaysia tanpa pas kebenaran yang sah.

Amran berkata, sehingga semalam, APMM Pahang melakukan 2,559 pemeriksaan dan 30 tangkapan dibuat melibatkan pelbagai kesalahan dengan 16 tangkapan melibatkan bot nelayan asing dari Vietnam.

Beliau berkata, sebarang maklumat mengenai kesalahan atau jenayah di perairan negara boleh menghubungi talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Pahang di talian 09-5717345.



**Bot nelayan asing dari Vietnam yang bertindak sebagai kapal induk dibawa ke Zon Maritim Kemaman selepas ditahan, petang Sabtu lalu.**